



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

SOALAN LAZIM (FAQ's) PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN EKSPLORATORI & TRANSFORMATIF (GET) DANA KELESTARIAN PENYELIDIKAN JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (DKP JPT)

PENGENALAN:

Soalan Lazim (FAQ's) ini disediakan bertujuan untuk membantu pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan pemohon dalam menjawab soalan-soalan lazim berhubung permohonan Geran Penyelidikan Eksploratori dan Transformatif (GET) Tahun 2026.

A. SYARAT AM PERMOHONAN

1. S: **Siapakah Mentor?**

J: Mentor adalah kakitangan akademik yang berperanan sebagai penyelia/ pembimbing/ penasihat kepada ketua projek yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang sama berjawatan Gred Khas C atau setaraf dan ke atas dari IPT masing-masing atau universiti lain. Pemilihan mentor bukan dari industri/ agensi dan tidak boleh menjadi *Next Appointed Leader (NAL)*.

Pemilihan mentor boleh daripada universiti dalam atau luar negara. Sila nyatakan juga justifikasi pemilihan mentor daripada universiti luar negara.

2. S: **Bolehkah pelantikan mentor dibuat dalam kalangan staf yang berstatus Skim Perkhidmatan Akademik Fleksibel yang dilantik secara kontrak dan tempoh lantikan adalah selama 6 hingga 12 bulan?**

J: Kakitangan akademik kontrak boleh dipertimbangkan sebagai mentor dan pelantikan perlulah bersesuaian dengan tempoh pelaksanaan projek penyelidikan.

3. S: **Berapakah bilangan penyelidik bersama (tidak termasuk Ketua projek)?**

- J: Jumlah penyelidik bersama yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya dua (2) orang (iaitu NAL dan mentor) dan maksimum **lima (5) orang** (NAL, mentor, kakitangan akademik atau kolaborator).
4. S: **Pemohon yang sedang atau merancang cuti belajar/ cuti sabbatical/ cuti tanpa gaji/ sangkutan industri/ pasca doktoral/ dipinjamkan/ sangkutan akademik/ fellowship dalam tempoh enam (6) bulan dan ke atas semasa pembukaan permohonan atau merancang berpindah ke organisasi lain serta digantung tugas adakah dibenarkan untuk memohon sebagai ketua projek?**
- J: Penyelidik dalam kategori di atas tidak dibenarkan untuk memohon sebagai ketua projek tetapi dibenarkan menjadi penyelidik bersama.
5. S: **Adakah ahli projek dibenarkan untuk menjalani latihan industri semasa projek penyelidikan masih berlangsung?**
- J: Ya, boleh.
6. S: **Sekiranya pada projek penyelidikan terdahulu di bawah Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (DP KPT), penyelidik tidak mencapai salah satu Indeks Prestasi Utama (KPI). Adakah penyelidik layak memohon geran GET?**
- J: Tidak layak, pencapaian KPI adalah merujuk kepada bilangan minimum jurnal terindeks diterbitkan, pelajar bergraduat dan Harta Intelek (IP) yang telah difailkan.
7. S: **Adakah penyelidik yang masih mempunyai geran FRGS yang aktif layak untuk membuat permohonan ini?**
- J: Tidak layak kerana masih mempunyai projek penyelidikan aktif di bawah DP KPT iaitu geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Fundamental Penyelidik Muda (FRGS-EC), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS), Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS), Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS), Geran Penyelidikan Program Padanan Industri (IMaP).
8. S: **Tempoh perkhidmatan saya di Institusi berbaki kurang setahun. Adakah saya layak memohon geran GET sebagai Ketua Projek atau penyelidik bersama?**

- J: Tempoh perkhidmatan pemohon sebagai Ketua Projek mestilah berbaki sekurang-kurangnya dua (2) tahun atau bersesuaian dengan tempoh penyelidikan mulai dari tarikh tutup permohonan geran. Pemohon juga perlu memastikan terdapat sekurang-kurangnya seorang penyelidik bersama dari universiti yang sama dalam kumpulan penyelidikan yang boleh dilantik sebagai *Next Appointed Leader*.
9. S: **Apakah yang dimaksudkan dengan bebas keberhutangan tinggi?**
- J: Istilah ini merujuk kepada keadaan kewangan yang sihat dan tidak dibebani hutang yang banyak yang mana hutang masih terkawal dan mampu dibayar tanpa menjejaskan kewangan. Pegawai mempunyai keterhutangan yang serius jika
- (i) agregat hutang dan nilai tanggungan tidak bercagarnya, pada bila-bila masa tertentu, melebihi 10 kali emolumen bulannya;
 - (ii) pegawai adalah seorang penghutang penghakiman dan hutang itu tidak dapat dijelaskan dalam tempoh satu (1) bulan daripada penerimaan perintah bermeterai penghakiman itu; atau
 - (iii) pegawai adalah seorang bankrap dan merupakan seorang pemakan gaji tak solven (di bawah pengurusan Pegawai Pemegang Harta), selagi tidak ada pembatalan penghukuman kebankrapannya atau dibebaskan daripada status orang bankrap.
10. S: **Berkenaan dengan status muflis atau pemohon yang sedang berada di bawah program pengurusan hutang berstruktur (cth., AKPK) tetapi tidak diisytiharkan muflis adakah masih layak memohon?**
- J: Sekiranya belum diisytiharkan muflis maka ia layak memohon.
11. S: **Siapakah kolaborator dan adakah dibenarkan untuk melibatkan rakan kolaborator (collaborator) dari institusi penyelidikan atau pusat penyelidikan?**
- J: Kolaborator merupakan pihak usaha sama yang terdiri daripada pihak industri/ agensi kerajaan/ agensi swasta/ institusi luar negara.
- Ya. Kolaborator bersama industri / agensi tempatan termasuk institusi penyelidikan adalah dibenarkan.

12. S: **Adakah dibenarkan untuk melibatkan rakan kolaborator (collaborator) dari industri luar negara?**
- J: Jika terdapat justifikasi yang bersesuaian, jalinan kolaborator bersama industri luar negara boleh dipertimbangkan. Namun, pemohon diwajibkan berkolaborator dengan pihak industri/ agensi tempatan.
13. S: **Adakah dibenarkan untuk melantik kolaborator dari syarikat spin-off/start-up?**
- J: Tidak dibenarkan.
14. S: **Adakah Carian Paten (Patent Search) boleh dilakukan dalam laman web lain selain laman web Lens.org (<http://lens.org/>)?**
- J: Carian Paten (Patent Search) adalah digalakkan menggunakan Lens.org (<http://lens.org/>) kerana ia berkait secara langsung dengan templet Borang Carian Paten dalam Borang Permohonan GET.
15. S: **Saya tiada surat kelulusan etika semasa permohonan dilakukan, tetapi projek saya memerlukan kelulusan etika.**
- J: Pihak penyelidik boleh memuatnaik surat makluman/ permohonan awal kelulusan etika semasa permohonan dilakukan. Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/ Haiwan/ Bio-keselamatan/ Badan Regulatori perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama sekiranya permohonan diluluskan.

B. PERATURAN PERMOHONAN

1. S: **Universiti saya baru dinaiktaraf menjadi kolej universiti, bolehkah penyelidik dari institusi saya memohon geran GET?**
- J: Universiti yang baru dinaiktaraf perlu mendaftar dalam Sistem Malaysia Research Assessment (Sistem eMyRA®) sebelum mengemukakan permohonan. Setiap institusi juga hendaklah melengkapkan data dan mengemukakan dokumen pencapaian Malaysia Research Assessment (MyRA®) dalam Sistem eMyRA® (tahun penilaian terkini).

Sekiranya pihak institusi berjaya menerima geran penyelidikan dan tidak mengisi dan melengkapkan data pencapaian eMyRA® pada tahun tersebut serta tahun-tahun seterusnya, maka institusi tersebut boleh

dikenakan tindakan senarai hitam dari memohon sebarang geran yang ditawarkan Jabatan Pendidikan Tinggi selama dua (2) tahun.

2. S: **Adakah Jawatankuasa penyelidikan Universiti (JKPU) wajib ditubuhkan di universiti atau boleh dibawa dalam Jawatankuasa yang setara?**

J: Ya. Mohon rujuk jadual Terma dan Rujukan Jawatankuasa Penyelidikan Universiti (JKPU) di Lampiran 2 dalam Dokumen Tadbir Urus Pengurusan Projek Penyelidikan Di Bawah Dana Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) Februari 2026 dan Bahagian 5 Pengurusan Projek Penyelidikan Garis Panduan GET.

3. S: **Adakah permohonan GET perlu melalui Jawatankuasa penyelidikan Universiti (JKPU)?**

J: Ya. Permohonan GET perlu melalui Jawatankuasa Penyelidikan Universiti (JKPU) sebelum mengemukakan permohonan.

4. S: **Adakah wakil BKPI perlu hadir dalam setiap mesyuarat JKPU?**

J: Tidak. Kehadiran adalah tertakluk kepada keperluan dan sebarang proses mendapatkan kelulusan wakil BKPI dibuat secara kaedah edaran.

5. S: **Saya pernah menerima satu (1) geran FRGS di universiti lama dan satu (1) geran FRGS di universiti sekarang dan telah selesai dengan KPI tercapai. Bolehkah saya memohon geran GET?**

J: Maksimum bilangan projek yang boleh diketuai oleh pemohon adalah terhad kepada tiga (3) kali sahaja sepanjang perkhidmatan bagi geran GET dan setara (FRGS). Oleh itu, permohonan GET untuk kali ini adalah dibenarkan. Namun sekiranya berjaya, ini adalah permohonan yang terakhir.

6. S: **Apakah tatacara yang betul untuk mengemas kini dokumen Profil Penyelidik (Researcher Profile)?**

J: Pengisian profil dalam Sistem Pengurusan Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi.

C. BIDANG KEUTAMAAN

1. S: **Saya adalah penyelidik dalam bidang Sosial Sains. Namun berdasarkan kepada Bidang Keutamaan Penyelidikan BITARA, didapati tiada bidang berkaitan Sains Sosial?**

J: **Boleh langkau/biarkan kosong sekiranya tiada bidang yang berkaitan.**

D. TEMPOH PENYELIDIKAN

1. S: **Sekiranya skop penyelidikan bagi cadangan projek GET boleh dilakukan dalam masa satu (1) tahun, adakah penyelidik boleh memohon tempoh geran selama satu (1) tahun sahaja?**

J: **Tidak boleh, tempoh penyelidikan bagi geran GET adalah dua (2) atau tiga (3) tahun sahaja.**

E. SILING PERUNTUKAN

1. S: **Berapakah siling peruntukan GET?**

J: **Siling peruntukan bagi geran GET adalah RM250,000.00.**

F. KOD PERBELANJAAN & PENGGUNAAN PERUNTUKAN

1. S: **Saya merupakan Ketua Projek, bolehkah saya melantik diri saya sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)?**

J: **Tidak dibenarkan.**

2. S: **Adakah dibenarkan melantik dan membayar gaji Pembantu Penyelidik (RA) bagi projek GET?**

J: **Pembantu Penyelidik (RA) dibenarkan untuk dilantik dalam geran GET dan dibayar gaji di bawah vot 11000 sekiranya output yang disasar adalah RA.**

3. S: **Adakah Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant (GRA)) dibenarkan mencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan menggunakan peruntukan dana GET?**

J: **Tiada keperluan untuk mencarum KWSP dan PERKESO untuk GRA.**

4. S: **Apakah vot bagi pembiayaan persidangan ke luar negara?**

- J: Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup bagi persidangan ke luar negara bagi pembentangan kertas kerja penyelidikan adalah di bawah vot 21000; manakala pembayaran yuran persidangan tersebut adalah di bawah vot 29000. Perjalanan yang dibenarkan hanya sekali dalam tahun kedua dan ke atas.
5. S: **Adakah pembayaran sewaan ruang/fasiliti/makmal dan ruang di Institusi saya bekerja dibenarkan menggunakan peruntukan geran GET?**
- J: Tidak dibenarkan menggunakan peruntukan geran GET bagi bayaran sewaan ruang/fasiliti/makmal dan ruang di institusi masing-masing berikutan penggunaan fasiliti, infrastruktur dan persekitaran penyelidikan di institusi telah diambil kira semasa kelulusan projek. Pembayaran bagi perkhidmatan analisis sampel yang melibatkan bekalan/bahan penyelidikan/peralatan/tenaga dan apa-apa yang berkaitan dibenarkan di bawah vot 29000.
6. S: **Adakah dibenarkan untuk membuat pembayaran sewaan bilik/dewan mesyuarat di luar Institusi?**
- J: Pembayaran sewaan bilik/dewan mesyuarat adalah dibenarkan jika berkaitan dengan skop penyelidikan/kaedah penyelidikan geran GET sahaja. Butiran perlu diletakkan di bawah vot 29000.
7. S: **Apakah vot bagi pembelian perisian (software) komputer?**
- J: Perbelanjaan perisian komputer (aset tak ketara) adalah di bawah vot 27000 bagi perisian berharga kurang RM5,000.00 dan di vot 35000 bagi perisian berharga lebih RM5,000.00.
8. S: **Apakah vot bagi pembelian komponen komputer seperti Ingatan Capaian Rawak (RAM) dan Unit Pemprosesan Grafik (GPU) (bagi meningkatkan keupayaan komputer/laptop sedia ada)?**
- J: Komponen komputer adalah dikira sebagai aset yang diperuntukkan di bawah vot 35000 dan perlu didaftarkan dalam senarai rekod aset.
9. S: **Adakah pembelian alatan pejabat (seperti kertas, toner, printer, alat tulis, kubikel, meja, kerusi, troli dan peralatan berkaitan) dibenarkan menggunakan peruntukan geran GET?**

- J: Pembelian alatan tersebut adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, pengecualian pembelian peralatan pejabat (kertas dan alat tulis sahaja) hanya kepada Bidang Bukan Sains dan Teknologi (selain S&T) untuk menjalankan kaji selidik sahaja. Bagi pembayaran perkhidmatan percetakan/fotostat soal selidik atau bahan-bahan penyelidikan ia boleh dibayar menggunakan vot 29000.
10. S: **Adakah pembayaran pemfailan harta intelek dibenarkan?**
- J: Ya dibenarkan berikutan harta intelek adalah output yang perlu dicapai.
11. S: **Berapakah had maksimum yang dibenarkan bagi pembayaran Caj Pemprosesan Artikel (Article Processing Charge - APC)?**
- J: Had maksimum bagi pembayaran Caj Pemprosesan Artikel (Article Processing Charge - APC) adalah bergantung kepada bilangan penerbitan dan kos jurnal yang dipilih oleh penyelidik. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian amat menggalakkan penerbitan dalam jurnal tanpa caj (free/open access tanpa APC) bagi mengoptimumkan penggunaan peruntukan.